

SULIT

NO. SOALAN: 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 7 OGOS 2017

RUJUKAN : 10040

SOALAN:

Dato' Seri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah kawalan Kementerian bagi menghalang aktiviti mengeksport, mengimport dan mencegah pengedaran dadah jenis sintetik yang mengandungi bahan psikoaktif tinggi sehingga boleh mengakibatkan kematian.

SULIT

SULIT

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius masalah pengedaran dan penyeludupan dadah dan sentiasa berusaha membanteras serta mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan, menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui strategi berikut :

- a) mengadakan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama;**
- b) mempergiat tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin* serta sindiket pengedaran dadah berskala besar;**
- c) mempergiat pengumpulan risikan melalui Unit Risikan Sempadan di Jitra, Kedah, Rantau Panjang, Kelantan dan Pengkalan Hulu, Perak;**
- d) memperkasa penguatkuasaan dan pemantauan di sempadan dengan menempatkan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan (UTIK);**

SULIT

SULIT

- e) mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas *drug kingpin* dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah;
- f) melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988; dan
- g) mengadakan kerjasama dengan Kementerian atau agensi-agensi lain untuk memantau kemasukan bahan-bahan atau "*precursor*" yang digunakan untuk menghasilkan dadah jenis sintetik.